

(11 April 2020) Sinar, p.11

# Jangkitan Covid-19 dijangka sifar susulan dua fasa PKP

Nisbah jangkitan menurun kepada hanya seorang yang dijangkiti sejak PKP dilaksanakan

Oleh TUAN BUQHAIRA MUHAMAD ADNAN dan RIDZUAN ABU HASSAN

PUTRAJAYA

**K**adar nisbah jangkitan koronavirus (Covid-19) di Malaysia dijangka menurun kepada sifar (tiada jangkitan) pada minggu hadapan susulan dua fasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati ratio jangkitan atau R-nought telah menurun kepada seorang yang dijangkiti.

"Sebelum pelaksanaan PKP, KKM mendapat secara ratio apabila seseorang dijangkiti, ia akan menjangkiti 3.55 individu lain manakala apabila PKP telah dilaksanakan, ia menjangkiti kepada seorang," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, pelaksanaan PKP dilihat sangat efektif untuk menurunkan ratio jangkitan daripada seorang pesakit kepada individu lain.

"Apabila semua orang tinggal di rumah, jangkitan akan berkurangan dan aktiviti menjangkiti juga menurun.

"Dijangka menjelang 14 April ini, ratio akan menurun lagi kepada 0.9 iaitu bermakna tiada jangkitan," katanya.

Beliau berkata, pelanjutan tempoh PKP sehingga 28 April adalah tindakan wajar dan akan memberi ruang kepada

kerajaan untuk memerangi penularan Covid-19.

"Pelaksanaannya telah membantu KKM dalam membendung penularan penyakit ini kepada satu tahap yang sedikit stabil.

"Sepertimana yang disebut sendiri oleh Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, tindakan agresif seperti ini dapat memberi peluang kepada sesebuah negara untuk mengharungi jangkitan Covid-19," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia berkemungkinan telah melepasi kemuncak jangkitan minggu lepas berdasarkan ramalan agensi kajian JP Morgan & Co dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

"Ini dapat diperhatikan daripada trend kes Covid-19 dan trajektori yang

diunjurkan melalui kajian KKM.

"Namun begitu ia masih di peringkat pertengahan dan masih memerlukan tindakan pencegahan serta kawalan berterusan," katanya.

Sebelum ini, JP Morgan & Co meramalkan negara ini mencapai kemuncak jangkitan sehingga lebih 6,000 kes sehari pada pertengahan April.

## Zon merah

Sementara itu, keputusan kerajaan melanjutkan lagi tempoh PKP adalah langkah tepat untuk memastikan pandemik Covid-19 berjaya ditangani dengan berkesan.

Pakar Kesihatan Awam daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, terdapat pertambahan kawasan zon merah selain peningkatan kes baharu membabitkan kluster warga asing dan luar negara.

"Sebenarnya kita perlukan masa tiga bulan (untuk laksanakan PKP). Misalnya China, sudah berapa bulan pun masih lagi ada kes.

"Kita ada kluster baharu seperti warga asing dan orang yang balik dari luar negara. Kita masih lagi menyaring mereka. Semalam sudah lebih 400 warga asing yang positif Covid-19.

"Jadi kalau perkara asas belum selesai lagi, tidak mungkin kerajaan akan menghentikan PKP," katanya.

Dr Haliza berkata, tempoh PKP boleh ditamatkan jika kadar pematuan mencapai 100 peratus dan tiada lagi kes baharu dilaporkan atau berada di tahap

paling minimum.

Oleh sebab itu, menurutnya, kerajaan mengumumkan bantuan tertentu termasuk penangguhan bayaran pinjaman bank selama enam bulan.

Bagi Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi/ Biostatistik) Jabatan Mikro Biologi dan Parasitologi Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (UPM), Profesor Madya Dr Malina Osman berpandangan secara mutlaknya, PKP hanya akan berakhir selepas negara memperoleh vaksin dan rawatan untuk Covid-19.

Menurut beliau lagi, secara mutlak bermaksud sebahagian besar komuniti sudah menerima suntikan vaksin berkenaan.


"Tetapi dalam keadaan hari ini, kerajaan ambil keputusan dengan mengimbangi keperluan kesihatan tanpa membelakangkan keperluan ekonomi.

"Pada pandangan saya, tujuan PKP adalah bagi melambatkan penularan dalam masyarakat sementara menunggu vaksin dan perawatan Covid-19.

"Selain itu, kita semua dapat mengadaptasi satu tingkah laku penjarakkan sosial dengan lebih mantap," katanya.

Dr Malina berkata, pelaksanaan PKP berkemungkinan dilonggarkan sekiranya kes semakin menurun dan masyarakat sudah bersedia untuk membudayakan amalan pencegahan terutama penjarakkan sosial.

Menurutnya, tempoh lanjutan PKP ketika ini merupakan masa terbaik untuk masyarakat mendisiplinkan diri dan mengubah tingkah laku.



Sekatan jalan raya adalah antara elemen penting dalam mengesahkan penularan wabak Covid-19 di Malaysia.